

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN MCA

TEMPAT: WISMA MCA, JALAN AMPANG, KUALA LUMPUR

TARIKH: 18 JUN 1994

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat MCA kerana menjemput saya sekali lagi untuk merasmikan Perhimpunan Agung MCA ini. Oleh kerana pelbagai tugas, jarang sekali saya berkesempatan bertemu dengan ahli-ahli MCA dan juga ahli-ahli parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain. Oleh itu apabila setiap kali saya dijemput oleh parti-parti komponen, dan dalam hal ini oleh Presiden MCA untuk merasmikan Perhimpunan Agung MCA, saya amat menghargai peluang pertemuan ini. Saya sedar akan pentingnya perhubungan di antara para pemimpin dan para perwakilan bagi menentukan Barisan Nasional kukuh, unggul dan berwibawa.

2. Saya gembira mendapati MCA semakin hari semakin kukuh. Ini dapat dilihat daripada sokongan yang meningkat yang ditunjukkan oleh masyarakat Cina Malaysia kepada MCA. Bahawa MCA kini lebih diterima oleh masyarakat Cina Malaysia adalah satu petanda baik bagi Barisan Nasional. Kita juga gembira kerana MCA yang kukuh bererti Barisan Nasional juga akan menjadi bertambah kuat dan mantap. Dalam perkara ini saya mengucapkan tahniah kepada para pemimpin dan ahli-ahli MCA di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik kerana telah berusaha kuat untuk menjadikan MCA sebuah parti yang lebih berwibawa dan dihormati.

3. Rakyat Malaysia patut bersyukur atau 'thankful' bahawa negara kita bukan sahaja aman dan stabil, bahkan ekonominya juga terus menunjukkan prestasi yang menggalakkan. Negara bukan sahaja berjaya mencatat pertumbuhan ekonomi melebihi lapan peratus setahun buat enam tahun berturut-turut, tetapi lebih menggalakkan ialah pertumbuhan ini dicapai dengan kadar inflasi yang rendah dan harga yang stabil. Tidak banyak negara di dunia yang berjaya mencapai prestasi seperti ini. Sungguhpun ada negara yang mencapai kadar pertumbuhan yang lebih tinggi, pertumbuhan ini disertai dengan kadar inflasi yang tinggi. Ini menjejaskan kuasa membeli rakyat.

4. Kita juga bernasib baik kerana pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan ini dapat dinikmati oleh semua kaum di negara ini. Peluang pekerjaan dan peluang perniagaan wujud dengan banyaknya di negara ini. Hanya mereka yang tidak sanggup berusaha sahaja yang tidak akan menikmati faedah daripada kemakmuran ekonomi sekarang.

5. Bahawa negara kita aman dan stabil serta maju dan

makmur adalah kerana dasar dan pendekatan Kerajaan Barisan Nasional. Pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional bukan sahaja terdiri daripada mereka yang bertanggungjawab dan berkemampuan menjalankan tugas, tetapi mereka memberi perhatian yang serius terhadap kepentingan semua rakyat serta mengutamakan kepentingan negara. Lebih penting, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional tidak keterlaluan, sebaliknya terdiri daripada mereka yang 'moderate' iaitu bersikap sederhana.

6. Pada hari ini kita melihat sesetengah negara menghadapi keadaan huru hara dan perpecahan. Antara sebabnya ialah kerana para pemimpinnya lebih mementingkan diri sendiri daripada nasib rakyat dan negara. Mereka sanggup membiarkan rakyat menderita dan mati kebuluran, diserang berbagai-bagai jenis penyakit atau dibunuh dan negara menjadi tidak stabil asalkan kepentingan diri mereka tercapai. Dalam satu aspek lain pula sikap ekstrim di kalangan para pemimpin Serb telah menyebabkan penduduk Bosnia- Herzegovina yang berbilang kaum dan agama yang pada satu ketika dahulu hidup aman damai dan bersatu padu, kini berperang antara satu sama lain. Sehingga hari ini negara itu masih berperang kerana sikap dan keganasan para pemimpin Serb yang ekstrim. Tiada siapa akan untung kerana perang ini, termasuk puak Serb.

7. Bagi Malaysia kita menentang sekuat-kuatnya sebarang bentuk 'extremism'. 'Extremism' sama ada berbentuk perkauman atau keagamaan tidak akan mendatangkan apa-apa kebaikan. Dalam negara berbilang kaum dan agama seperti Malaysia ia tetap akan membawa kepada ketidakstabilan dan rusuhan. Itulah sebabnya Kerajaan Barisan Nasional sentiasa menentang sebarang bentuk 'extremism' di negara ini.

8. Kerajaan Barisan Nasional bersikap adil kepada semua kaum dan mengutamakan kepentingan rakyat dan negara. Hasilnya sepertimana yang kita maklum dan yang dapat dilihat oleh dunia, ialah rusuhan kaum tidak berlaku dan negara aman dan makmur. Oleh itu amatlah penting rakyat terus memberi sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional demi kestabilan, kemajuan dan kemakmuran negara. Kerajaan Barisan Nasional telah diuji atau 'tested' dan telah membuktikan bahawa ia dapat memenuhi kehendak dan aspirasi semua kaum di negara ini.

9. Kejayaan Malaysia dalam berbagai-bagai bidang telah menarik perhatian dunia. Banyak negara yang ingin belajar dari Malaysia. Dalam pada itu ada juga pihak-pihak tertentu yang kurang senang hati dengan kejayaan kita. Pihak-pihak ini telah memburuk-burukkan Malaysia dengan mendakwa kononnya kita tidak demokratik, tidak adil, tidak menghormati hak-hak asasi manusia dan lain-lain.

10. Yang lebih mengecewakan ialah ada ahli-ahli parti politik pembangkang di Malaysia yang terpengaruh atau turut sama dengan usaha-usaha memburuk-burukkan Malaysia. Mereka turut memberikan maklumat-maklumat yang tidak betul. Kita sedar bahawa ada individu-individu tertentu dan ahli-ahli

politik daripada parti lawan yang turut memburuk-burukkan Malaysia melalui temuramah-temuramah mereka dengan media asing. Mereka menuduh, antara lain, bahawa tidak ada kebebasan bersuara di Malaysia. Bahawa mereka jelas bebas menyuarakan pendapat mereka dan memberikan maklumat yang palsu dengan sendirinya mendedahkan pembohongan mereka. Kita amat kecewa dengan tindakan mereka ini. Ahli-ahli parti-parti pembangkang ini sebenarnya mengkhianati negara sendiri.

11. Inilah bezanya di antara anggota-anggota Barisan Nasional dengan parti-parti lawan. Kita bersikap bertanggungjawab memelihara imej dan prestasi negara kita. Kita berusaha untuk membangunkan negara kita. Kita mempertahankan keharmonian dan keamanan negara kita. Sebaliknya parti-parti lawan tidak ada apa-apa program untuk kebaikan negara. Yang mereka tahu ialah menolak kenyataan dan menidakkan pencapaian negara walaupun dengan perbuatan ini mereka menghinakan negara sendiri dan rakyatnya.

12. Sementara mereka mudah memburukkan negara sendiri di arena antarabangsa, mereka tidak bersetuju jika kita lantang menegur keburukan negara-negara lain. Mereka juga sanggup memfitnah negara mereka sendiri, kononnya apabila Malaysia menghantar tenteranya untuk berkhidmat dengan Bangsa-Bangsa Bersatu di Bosnia-Herzegovina, kita menolong puak Serb. Sebaliknya mereka tidak membuat apa-apa pun untuk orang Bosnia yang ditindas.

13. Saya ingin menegaskan di sini sekali lagi bahawa kita menyuarakan pandangan dan pendapat kita terhadap isu-isu yang melibatkan Malaysia dan negara-negara membangun berdasarkan kepada prinsip. Kita bersuara kerana ini adalah hak kita sebagai sebuah negara yang merdeka, berdaulat dan berwibawa. Sayugia ditegaskan bahawa bukanlah niat Malaysia untuk menonjolkan dirinya apabila ia menyuarakan sesuatu.

14. Kita juga menegur kerana ada beberapa perkara yang dibuat oleh Barat yang bertentangan dengan kepentingan-kepentingan negara-negara membangun. Di samping itu kerap kali tindakan-tindakan negara-negara maju, sama ada dalam bidang politik atau ekonomi, berbeza daripada apa yang mereka kata mereka perjuangkan. Sebagai contoh, Barat menuduh negara-negara membangun kononnya mencabuli hak-hak asasi manusia. Tetapi di Bosnia di mana pengganas-pengganas Serb membunuh sesuka hati mereka, Barat tunduk kepada pihak Serb sepanjang masa. Sebagai sebuah negara yang bertanggungjawab dan prihatin, Malaysia tidak boleh berdiam diri. Kita mestilah menegur perkara-perkara yang salah ini.

15. Ada juga beberapa pihak yang berkata Malaysia berani bersuara kerana kedudukan ekonomi Malaysia kukuh. Ini tidaklah benar. Malaysia tetap akan menyuarakan pandangannya dengan tegas dan berani, sama ada ekonominya kukuh atau tidak, berasaskan kepada prinsip dan kebenaran. Malaysia tidak akan mengabaikan tanggungjawabnya walaupun akibatnya mungkin kita akan ditindas oleh kuasa-kuasa

tertentu.

16. Hari ini Malaysia lebih terkenal di dunia. Ini adalah disebabkan beberapa kejayaan yang telah kita capai. Sementara kita boleh berbangga dengan prestasi kita, kita tidak boleh sombong kerananya. Sebaliknya dengan rendah hati kita perlu berusaha dengan lebih kuat lagi. Kita belum mencapai matlamat kita. Banyak lagi yang perlu dibuat dan diusahakan sebelum Wawasan 2020 kita menjadi kenyataan.

17. Kejayaan yang dicapai oleh negara telah menjadikan rakyat Malaysia lebih yakin terhadap diri sendiri atau lebih 'self-confident'. Keyakinan ini adalah penting. Sebabnya dahulu kita ketinggalan, lemah dan ditakluk oleh orang ialah kerana kita mempunyai sifat 'inferiority complex' yang menyebabkan kita percaya bahawa kita tidak mampu membuat apa yang dibuat oleh orang lain, terutamanya orang Eropah yang menjajah kita.

18. Walau bagaimanapun, 'self-confidence' sahaja tidak mencukupi. Tidak kurang penting ialah keharmonian dan perpaduan kaum yang merupakan asas utama kepada kestabilan negara. Asas ini hendaklah sentiasa dipelihara. Janganlah ada pihak yang cuba menggugat kestabilan yang kita sama-sama wujudkan selama ini dengan menimbulkan isu-isu sensitif yang berbau perkauman atau agama. Jika ini berlaku, semua kejayaan yang kita capai akan hancur. Rusuhan kaum atau agama tidak pernah membawa kemewahan atau kebahagiaan kepada sesiapa.

19. Sepertimana yang kita maklum nampaknya 'demam' pilihanraya telah bermula. Ramai merasakan bahawa 'demam' ini berpunca daripada parti-parti lawan. 'Demam' pilihanraya ini tidak akan merebak jika parti lawan tidak menyebarkannya. Mungkin oleh kerana mereka takut hanya ahli-ahli mereka sahaja yang terkena 'demam' ini maka mereka menyebarkan penyakit ini supaya terkena juga kepada ahli-ahli Barisan Nasional.

20. Sayugia diingatkan bahawa Barisan Nasional mempunyai mandat untuk memerintah negara sehingga bulan Oktober tahun 1995. Setakat ini kita belum memutuskan lagi bila pilihanraya akan diadakan. Walau bagaimanapun, Barisan Nasional sentiasa bersiap sedia. Kita dalam Barisan Nasional tidak risau dengan 'demam' pilihanraya ini kerana Barisan Nasional mempunyai 'ubat yang mujarab' untuk mengatasinya, sepertimana yang telah dibuktikan di pilihanraya-pilihanraya yang lepas.

21. Parti-parti lawan berasa risau sebab mereka tidak ada isu yang hendak dimainkan. Ada parti yang 'desperate' sehingga menggugurkan apa yang mereka dakwa sebagai dasar liberal mereka. Sebaliknya mereka cuba mendapatkan sokongan orang Melayu dengan menukar nama dan mendakwa bahawa mereka adalah parti orang Melayu untuk orang Melayu sahaja. Tetapi apabila berhadapan dengan kaum bukan Melayu, mereka berkata pula bahawa mereka sebuah parti yang memperjuangkan hak

istimewa orang bukan Melayu. Demikian juga ada parti yang mendakwa mereka adalah `champion' hak orang Cina. Tetapi apabila mereka dicabar membuat sesuatu bagi kaum Cina, mereka menafikan yang mereka cuba menjadi `champion' kaum Cina. Apakah sebenarnya yang mereka perjuangkan yang tidak diperjuangkan oleh Barisan Nasional? Jika mereka tidak ada perjuangan adalah lebih baik mereka berdiam diri sahaja. Penyokong-penyokong mereka patut bertanya kepada diri sendiri apakah faedah yang mereka telah perolehi daripada parti-parti pembangkang ini? Sebenarnya tidak ada sesuatu apa pun.

22. Masyarakat Cina Malaysia patutlah terus memberi sokongan kepada MCA. Ini kerana MCA adalah parti yang dapat menjaga kepentingan masyarakat Cina dalam konteks negara berbilang kaum seperti Malaysia. MCA adalah parti yang boleh diterima oleh UMNO dan parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain kerana ia tidak `extreme' dan `racist'. MCA juga adalah parti yang dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapinya secara rasional, senyap dan dengan berkesan. Dengan pucuk pimpinan yang ada sekarang ini, saya yakin MCA akan mencapai kejayaan yang lebih tinggi.

23. Dengan harapan bahawa masyarakat Cina Malaysia akan terus menyokong Barisan Nasional demi kestabilan, kemajuan dan kemakmuran negara di masa depan, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan MCA bagi tahun 1994.